

## SIARAN MEDIA

### MAJLIS PELANCARAN WAQAF PERAK AR-RIDZUAN

**IPOH, 07 April 2016:** Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) menganjurkan Majlis Pelancaran Waqaf Perak Ar-Ridzuan di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan. Majlis yang dianjurkan oleh MAIPk ini disempurnakan oleh kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah. Majlis ini turut dihadiri Menteri Besar Perak, Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Perak, Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri, serta agensi-agensi kerajaan dan swasta.

2. Pelancaran Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) merupakan satu penjenamaan sistem pentadbiran wakaf yang bersifat lebih holistik yang seiring dengan pewujudan Enakmen Wakaf (Perak) 2015 yang berkuatkuasa mulai 15 Februari 2016. Melalui Enakmen ini pentadbiran wakaf di Negeri Perak yang ditadbir MAIPk mempunyai kuasa yang lebih jelas dan menyeluruh di dalam mentadbir dana wakaf. Dengan yang demikian, pelbagai kaedah dan instrumen wakaf kini boleh dilaksanakan oleh MAIPk menurut undang-undang berkenaan.

3. Antara tujuan penubuhan Waqaf Perak Ar-Ridzuan ini adalah seperti berikut –
- i. Waqaf Perak Ar-Ridzuan adalah sebagai suatu mekanisme bagi menangani penubuhan entiti atau dana wakaf secara berleluasa yang tidak dibuat berdasarkan undang-undang, prosedur yang sah dan berkemungkinan tidak menepati hasrat dan niat pewakaf;
  - ii. Waqaf Perak Ar-Ridzuan akan menjadi saluran sah bagi individu serta mana-mana organisasi untuk berwakaf melalui dana wakaf yang diiktiraf oleh MAIPk dan sekaligus meningkatkan keyakinan umum berhubung pentadbiran wakaf di Negeri Perak; dan
  - iii. Pelaksanaan projek-projek secara telus dan secara nyata memanfaatkan ummah akan membantu memperkembangkan lagi kefahaman anggota masyarakat terhadap hikmah berwakaf. Ini akan menggalakkan lebih ramai penyertaan dan sekaligus menjadikan wakaf sebagai satu lagi instrumen sosio ekonomi umat pada masa akan datang.

4. Terdapat Empat Bidang Tujahan Utama Waqaf Perak Ar-Ridzuan iaitu **Keagamaan, Ekonomi, Kesihatan dan Pendidikan**. Di bawah empat bidang utama ini Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak akan melaksanakan projek dan program iaitu –

- i. **Wakaf Pembangunan Dan Perkembangan Ilmu Al-Quran Di Negeri Perak**  
WPAR berhasrat untuk menyebarkan luas ilmu Al-Quran dalam kehidupan ummah melalui pembelajaran, pengajian, pemahaman, penghayatan dan pengaplikasian ilmu al-Quran tanpa mengira sempadan usia. Di penghujungnya, ianya bukan sekadar berjaya mewujudkan ummah yang menguasai dan membudayakan Al-Quran dalam kehidupan bahkan melahirkan tenaga daie yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran ilmu al-Quran;
- ii. **Waqf Business Centre (WBC)**  
WPAR mengambil inisiatif untuk membantu usahawan yang sedang berniaga secara kecil-kecilan dengan menyediakan ruang niaga yang lebih selesa dan teratur dengan kadar sewaan yang mampu mereka tanggung. Premis perniagaan dengan rekabentuk moden dan infrastruktur yang lengkap akan dibina di atas tanah wakaf dan Baitulmal di lokasi strategik serta berdaya maju di seluruh Negeri;
- iii. **Wakaf Bot**  
Bermatlamat untuk meningkatkan taraf kehidupan dan ekonomi golongan nelayan terutamanya nelayan pesisiran pantai. WPAR akan menyediakan bot dan kelengkapannya termasuk enjin dan pukat serta sonar bagi membolehkan para nelayan menerokai ke kawasan laut yang lebih dalam dan boleh meningkatkan hasil tangkapan;
- iv. **Wakaf Bagi Pembinaan Pusat Hemodialisis Wakaf**  
Pusat hemodialisis wakaf dirancangkan untuk dibangunkan di beberapa daerah bertujuan memberi akses dan kemudahan rawatan dialisis bagi menampung keperluan pesakit yang semakin meningkat. Dana terkumpul akan digunakan untuk pembinaan pusat rawatan, penyediaan kemudahan dan peralatan termasuk mesin dialisis;
- v. **Wakaf Bangunan Kediaman Pelajar Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah(KUISAS) di Kuala Kangsar**  
Bagi mengatasi keperluan mendesak penempatan bagi pelajar-pelajar KUISAS yang kini berjumlah lebih 4,000 orang, WPAR mengambil inisiatif untuk menampung kekurangan tersebut dengan membina dua

buah blok bangunan kediaman yang mampu menampung seramai 720 pelajar;

**vi. Wakaf Ilmu – Program Mumtaz Dan Pembelajaran ICT**

Bagi mengurangkan jurang pencapaian akademik antara pelajar luar bandar dengan yang di bandar, WPAR akan menyediakan kelas bimbingan dan latihan intensif dengan penumpuan kepada subjek teras untuk meningkatkan pencapaian akademik. Kelas akan dijalankan di masjid atau surau terpilih dan dikendalikan oleh guru-guru pakar di seluruh daerah; dan

**vii. Wakaf Tunai**

Dana Wakaf Tunai akan digunakan untuk membiayai pembangunan dan menaik taraf aset wakaf serta menampung keperluan ummah dalam aspek kebajikan, pendidikan, ekonomi dan kesihatan yang tidak termasuk dalam mana-mana projek khas WPAR.

6. Dalam acara pelancaran pagi ini sebanyak RM10.8 juta telah disumbangkan oleh pewakaf. Ianya terdiri daripada sumbangan oleh kesemua Ahli Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak sebanyak RM33,500.00. Kerajaan Negeri juga turut memberikan sokongan padu melalui penyerahan sumbangan wakaf oleh perbadanan-perbadanan Kerajaan Negeri iaitu Perbadanan Menteri Besar Perak, Perbadanan Setiausaha Kerajaan Kerajaan Negeri Perak, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak dan juga Lembaga Air Perak dengan jumlah sebanyak RM500,000.00 (RM100,000.00 bagi setiap Perbadanan). Tidak ketinggalan pewakaf-pewakaf dari sektor korporat seperti Maybank Islamic yang bermurah hati menyumbangkan secara terus sebanyak RM5 juta bagi dana Pembangunan Asrama Pelajar di Kolej Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar. Sebagai tambahan, pihak Maybank Islamic juga bersetuju untuk menyumbangkan dana wakaf sebanyak RM5 juta lagi sebagai "*matching grant*" di mana bagi setiap ringgit yang disumbangkan oleh pewakaf melalui saluran Maybank2U, maka pihak Maybank akan mewakafkan pada nilai yang sama untuk Wakaf Perak Ar-Ridzuan. Pihak UDA Holdings (RM20,000.00) dan Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Seberang Perak (RM19,315.00) dan individu perseorangan (RM300,000.00) juga turut menyumbang pada Majlis Pelancaran Dana Wakaf Perak Ar Ridzuan pada pagi ini.

5. Dengan adanya Waqaf Perak Ar-Ridzuan ini, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dapat memenuhi misi organisasi iaitu meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah menerusi pengukuhan pengurusan Baitulmal yang efektif dan

dinamik serta mengamalkan tadbir urus cemerlang yang berpaksikan ketelusan, integriti dan profesionalisme yang tinggi. Di samping itu, ianya akan dapat membantu meningkatkan dana wakaf dan seterusnya akan memberi impak yang berkesan dalam membantu keperluan dan masalah semasa ummah di Negeri Perak.

Diedarkan oleh:

Unit Perhubungan Korporat  
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
07 April 2016